

08 OCT 2003

S'PURA MESTI HENTIKAN KERJA-KERJA PENAMBAKAN TANAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Singapura mesti memberhentikan sebarang kerja penambakan tanah di Selat Johor kerana tindakan ini akan memusnah dengan teruk alam sekitar.

Mengulas keputusan Tribunal Antarabangsa mengenai Undang-undang Laut (ITLOS) mengenai pertikaian itu, Dr Mahathir berkata, "Yang penting ialah sama ada mereka bersetuju bahawa Singapura hendaklah memberhentikan kerja-kerja itu sementara menunggu keputusan akhir panel berkenaan."

"Adalah terlalu lewat jika mereka meneruskan kerja-kerja itu. Sementara menunggu keputusan akhir, penambakan tanah itu akan menyebabkan kemusnahan kekal," kata beliau.

"Apa kita mahu ialah mereka memberhentikan kerja-kerja itu sekarang, itu sahaja dan kita akan ke timbangtara yang akhir," kata beliau memberitahu pemberita setibanya dari menghadiri Sidang Kemuncak Asean ke-9 selama dua hari di Bali, Indonesia di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini malam ini.

Malaysia telah diberikan langkah sementara oleh ITLOS pada kes mengenai projek penambakan tanah di Selat Johor oleh Singapura.

Tribunal yang terletak di Hamburg, Jerman itu dengan sebulat suara mengarahkan Singapura "tidak menjalankan kerja-kerja penambakan tanah dengan cara yang boleh menyebabkan prejudis yang tidak boleh dipulihkan terhadap hak Malaysia atau kemusnahan teruk terhadap alam sekitar khususnya mengambilkira laporan kumpulan pakar bebas."

Malaysia memfailkan perintah memberhentikan kerja penambakan tanah oleh republik itu kepada ITLOS pada 4 Julai.

-- BERNAMA

VP HS BK